

Hubungan Pengetahuan Pengurusan dengan Kemahiran Pengurusan Ketua Panitia Sekolah-Sekolah Menengah

Relationship Management Knowledge with Management Skills Head of Secondary School Committee

Jamal @ Nordin Yunus^a, Maziana Binti Murad^b

^{a,b}Universiti Pendidikan Sultan Idris, jamal@fpe.upsi.edu.my

Received: 26 September 2018 ; Accepted: 13 December 2018; Published: 26 December 2018

Abstrak

Kajian deskriptif ini bertujuan menentukan hubungan antarpengurusan dengan kemahiran pengurusan Ketua Panitia Sekolah Menengah. Seramai 213 orang ketua panitia di sepuluh buah sekolah menengah telah dijadikan responden kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina bagi menentukan hubungan pengetahuan pengurusan dan kemahiran pengurusan. Hasil kajian menunjukkan pengetahuan pengurusan ($M=4.34$, $SD=0.33$), kemahiran merancang ($M=4.28$, $SD=0.38$), kemahiran mengelola ($M=4.02$, $SD=0.47$), kemahiran memimpin ($M=3.85$, $SD=0.55$) dan kemahiran mengawal ($M=3.79$, $SD=0.62$) Ketua Panitia sekolah menengah berada pada tahap tinggi. Manakala korelasi antara Pengetahuan pengurusan dengan kemahiran merancang ($r=0.66$, $p<0.05$), kemahiran mengelola ($r=0.43$, $p<0.05$), kemahiran memimpin ($r=0.32$, $p<0.05$) dan kemahiran mengawal ($r=0.36$, $p<0.05$). Berdasarkan kepada dapatan kajian, adalah dicadangkan kursus-kursus dalam latihan mengambil kira pendedahan dan pengalaman kepimpinan ketua panitia agar dapat meningkatkan profesionalisme pengurusan mereka.

Kata Kunci: Ketua Panitia, pengetahuan pengurusan, kepimpinan, kemahiran pengurusan, korelasi

Abstract

This descriptive study aims to determine the relationship between management knowledge and management skills of the Head of Secondary School Committee. A total of 213 committee leaders in ten secondary schools have been surveyed. This study uses a questionnaire to build a relationship between management knowledge and management skills. This study suggests management knowledge ($M = 4.34$, $SD = 0.33$), planning skills ($M = 4.28$, $SD = 0.38$), management skills ($M = 4.02$, $SD = 0.47$), leadership skills ($M = 3.85$, $SD = 0.55$) and controlling skills ($M = 3.79$, $SD = 0.62$) the Head of the Secondary School Committee is at high level. While the correlation between management knowledge and planning skills ($r = 0.66$, $p < 0.05$), management skills ($r = 0.43$, $p < 0.05$), leadership skills ($r = 0.32$, $p < 0.05$) and controlling skills ($r = 0.36$, $p < 0.05$). Based on the findings of the study, it is recommended that courses in training take into account the exposure and experience of the leadership of the steering committee in order to enhance their management professionalism.

Keywords: head of committee, knowledge, leadership, management skills, correlation

PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu wadah yang menjadi pemangkin kepada anjakan paradigma bagi menjana pembentukan watak individu (Hassan Basri, 2018) yang boleh menyumbang kepada

pembangunan Negara. Pendidikan merupakan perkara utama yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu, menyediakan pelbagai peluang dalam mencorakkan kehidupan masa depan dan mendasari proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi yang merupakan faktor kritikal bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara (KPM, 2012). Melalui pendidikan, individu berpeluang meningkatkan kualiti hidup, menjadi ahli masyarakat yang berjaya, serta aktif menyumbang kepada pembangunan negara. Pendidikan juga menyumbang kepada penghayatan nilai dan perkongsian aspirasi apabila individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik berinteraksi serta belajar memahami dan menerima perbezaan (KPM, 2012).

Oleh itu, Program Tranformasi Kerajaan telah dilancarkan dengan memberi fokus kepada lima bidang keberhasilan Negara iaitu prasekolah, literasi dan numerasi, sekolah berprestasi tinggi, tawaran baharu untuk pengetua dan guru besar serta program pembangunan prestasi sekolah (KPM, 2010). Perkembangan ini juga menuntut perubahan daripada semua individu yang terlibat dalam penjana modal insan dan generasiakandatang (Mohamad, Don, Y., & Ismail, 2017). Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengenal pasti cabaran dan jurang dalam sistem pendidikan kebangsaan, dan seterusnya merangka kaedah penyelesaian terbaik bagi menanganinya.

Dalam hal ini, pendidik merupakan insan yang berperanan penting untuk memastikan segala perancangan yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mencapai matlamatnya. Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini harus menyedari tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya untuk mendidik generasi yang akan menjadi dewasa nanti. Oleh yang demikian, guru-guru perlu mempunyai keseimbangan *content knowledge* dan *pedagogical knowledge* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002) dalam Haliza (2006) agar dapat seiring dalam merealisasikan kemenjadian modal insan kepada agama, bangsa dan negara.

PENYATAAN MASALAH

Tranformasi yang berlaku dalam bidang pendidikan memerlukan komitmen yang tinggi dalam menjayakan segala yang telah dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Transformasi ini menyebabkan pengurus sekolah tidak berupaya menangani perubahan sekiranya bertindak secara sendirian (Ahmad Shukri, 2002). Oleh itu, pasukan pengurus pertengahan diperlukan agar dapat bersama-sama merancang, melaksana, mengelola dan mengawal segala aktiviti dan program yang telah disusun agar memberikan kesan yang positif.

Menurut Safiah (2001), dalam Redzuan (2012), tugas sebagai seorang Ketua Panitia sinonim kepada seorang pemimpin pasukan. Mereka mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengetahuan serta mahir dalam bidang pengurusan tugas di samping menjadi guru yang baik. Selain itu, Ketua Panitia merupakan seorang guru kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PPK, 2001). Namun begitu, berdasarkan perbincangan secara tidak langsung dengan guru-guru di sekolah, masih terdapat Ketua Panitia yang tidak mengurus panitianya dengan baik dan sistematik. Hal ini telah menyebabkan berlaku kemerosotan dalam mata pelajaran yang dipimpin sehingga mempengaruhi prestasi kecemerlangan sekolah.

Pemantauan sering dilakukan oleh pegawai daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan keberkesanan dan kelancaran pengajaran dan pembelajaran serta dasar baharu seperti

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), program intervensi dan sebagainya. Semua hasil pemantauan dikemukakan agar dilakukan penambahbaikan. Namun begitu, Kwa Jin Nee (2009), mendapati maklumat tentang kelemahan dan kekurangan yang dikenalpasti tidak disampaikan sepenuhnya kepada guru-guru di sekolah akibat kelemahan dalam pengurusan dan kepimpinan panitia mata pelajaran kerana beberapa faktor seperti kecairan maklumat, tiada pengalaman, sikap Ketua Panitia dan sebagainya.

Selain itu, kepimpinan pengajaran adalah penting dalam meningkatkan keprofesionalisme guru dan pencapaian pelajar. Hal ini amat penting dalam menentukan arah tuju, wawasan dan matlamat sekolah dicapai dengan lebih berkesan (Hussein, 2008). Dalam usaha menjalankan tugas pentadbiran sebagai pengurus pertengahan dan pemimpin sesebuah organisasi, Ketua Panitia mata pelajaran perlu memahami bidang tugas serta mempunyai kemahiran tertentu terutama sekali yang berkaitan dengan kemahiran memimpin dan mengurus (Sonia, 2006). Hal ini kerana, pengalaman dan pengetahuan menjadikan Ketua Panitia seorang yang mahir dalam pengurusan akademik untuk membolehkan mereka membantu memimpin guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang sama. Namun begitu, masih terdapat Ketua Panitia yang dilantik dalam kalangan guru-guru baharu yang baru berkhidmat sekaligus menyebabkan pengurusan panitia menjadi tidak cekap.

Perubahan-perubahan yang berlaku di sekolah contohnya perubahan kurikulum, perubahan sistem peperiksaan kepada pentaksiran dan sebagainya hanya akan berjaya dengan adanya kepimpinan pengajaran. Dalam hal ini berlaku *empowerment* untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran dalam sistem pembelajaran sekolah. Namun, terdapat Ketua Panitia yang bersikap sambil lewa dalam menjalankan tugas mereka dengan alasan mereka tidak mempunyai pengalaman, pengetahuan dan menjadi Ketua Panitia atas dasar paksa rela.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

1. Mengetahui tahap pengetahuan pengurusan, merancang, mengelola, memimpin dan mengawal dalam kalangan Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah
2. Mengetahui hubungan antara pengetahuan pengurusan dengan kemahiran merancang, mengelola, memimpin dan mengawal dalam kalangan Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang diperolehi boleh dijadikan panduan kepada pelbagai pihak-pihak tertentu seperti KPM dan pihak jabatan untuk merancang, merangka dan melaksanakan program-program peningkatan profesionalisme kepimpinan kepada Ketua Panitia di peringkat negeri dan daerah seperti bengkel, kursus, mesyuarat dan sebagainya meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran pengurusan ketua panitia.

Selain itu, dapatan ini juga diharap dapat memberikan maklumat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sedar tentang kedudukan jawatan dan beban tugas yang dipikul oleh Ketua Panitia. Kajian ini juga diharap dapat membantu menggerakkan usaha ke arah memperbaiki sistem organisasi pendidikan sekolah agar jawatan Ketua Panitia diberi sedikit keistimewaan seperti pengurangan jumlah waktu pengajaran agar mereka dapat menjalankan tugas sebagai pengurus pertengahan dan guru dengan lebih efisien.

Kajian ini juga diharap dapat membantu memberikan maklumat kepada pihak pengurusan sekolah terutamanya pengetua dan guru penolong kanan bebanan tugas yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam menjalankan tugas sebagai pengurus pertengahan dan tugas hakiki mereka sebagai seorang guru di sekolah serta mempertimbangkan masalah dan kekangan dalam pengagihan tugas kepada semua guru. Dalam pada masa yang sama, kajian ini diharap dapat memberi maklumat kepada pihak pentadbiran sekolah dalam mempertimbang kriteria-kriteria utama dalam pelantikan Ketua Panitia.

Hasil dapatan kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada ketua panitia tentang tahap pengetahuan dan tahap pengurusan kepimpinan mereka serta membantu Ketua Panitia membuat penambahbaikan supaya mereka mampu mengurus panitia dengan berkesan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik.. Kajian ini dilaksanakan secara deskriptif kerana kaedah ini tidak memerlukan usaha mengawal sesuatu olahan disebabkan ianya tidak melibatkan faktor-faktor yang mendatangkan kesan ke atas sesuatu peristiwa terlebih dahulu dalam sesuatu kajian (Mohd Majid, 1990). Kaedah kuantitatif digunakan supaya pengumpulan dan penganalisan data dapat dilakukan secara saintifik dan sistematik. Hal ini memudahkan penganalisan data dengan cepat dan tepat (Mohd Najib, 2003).

Populasi kajian ini terdiri daripada ketua-Ketua Panitia sekolah menengah. Seramai 213 orang guru yang menjawat jawatan Ketua Panitia di 10 buah sekolah ini terlibat dalam kajian ini. Pemilihan mereka adalah kerana mereka terlibat dengan proses pengurusan kurikulum mata pelajaran. Ketua-Ketua Panitia yang dipilih ini diandaikan dapat menilai diri mereka dalam aspek pengetahuan kepimpinan yang dimiliki dan diharapkan mereka dapat memberi gambaran tentang tahap pengetahuan kepimpinan mereka dalam melaksanakan fungsi sebagai pengurus pertengahan bagi menguruskan kecemerlangan mata pelajaran masing-masing.

Persampelan merujuk kepada proses memilih sebahagian daripada sesuatu populasi untuk dijadikan responden kajian. Menurut Mohd Najib (1999), sampel merupakan sumber yang diambil daripada populasi yang ditentukan sebelumnya. Dalam kajian ini semua populasi merupakan sampel. Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah teknik persampelan bertujuan. Menurut Chua Yan Piaw (2006), persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan yang mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian.

Oleh sebab kajian ini bertujuan mengetahui tahap pengetahuan kepimpinan yang dimiliki oleh Ketua Panitia dalam melaksanakan fungsi sebagai pengurus pertengahan, sampel yang dipilih merupakan guru-guru yang dilantik memegang jawatan Ketua Panitia. Responden yang dipilih perlulah menepati ciri-ciri yang ditetapkan iaitu:

- a) dilantik sebagai Ketua Panitia
- b) menjawat jawatan Ketua Panitia sekurang-kurangnya dua tahun.

Instrument Kajian

Hasil dapatan kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif. Soal selidik merupakan instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dalam penyelidikan ini. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak, dan sebagainya dan mudah disediakan (Mohd. Najib, 1999; Syed Arabi, 2001). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik yang diubah suai daripada *Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)* berdasarkan kajian Shafila (2008) untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kemahiran pengurusan merangkumi komponen dalam proses perancangan, pengelolaan, pemimpinan dan kawalan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Bahagia A (Demografi Responden)

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
Lelaki	65	30.5 %
Perempuan	148	69.5 %
Jumlah	213	100 %

Dapatan kajian berkaitan taburan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam jadual 1. Dapatan menunjukkan responden kajian adalah seramai 213 orang. Seramai 65 orang responden adalah lelaki (30.5 %) dan 148 orang adalah terdiri daripada responden perempuan (69.5 %). Analisis ini jelas menunjukkan bahawa responden perempuan adalah dominan dalam kajian ini.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
21 – 30 tahun	63	29.6 %
31 – 40 tahun	101	47.4 %
41 – 50 tahun	49	23.0 %
Jumlah	213	100 %

Dalam kajian ini umur responden dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu 21 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun. Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut umur yang menjawab soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan responden kategori umur 31 hingga 40 tahun adalah kumpulan yang paling tinggi menjawab soal selidik iaitu seramai 101 orang yang mewakili 47.4%. Responden dalam kategori umur 21 hingga 30 tahun adalah seramai 63 orang (29.6%), manakala seramai 49 orang (23.0%) merupakan responden dalam kategori umur 41 hingga 50 tahun.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik

Kelayakan	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
Diploma	12	5.6 %
Sarjana Muda	184	86.4 %
Sarjana	17	8.0 %
Jumlah	213	100 %

Jadual 3 menjelaskan taburan kekerapan dan peratusan mengikut kelayakan akademik responden. Hasil dapatan menunjukkan bahawa 12 orang responden (5.6 %) yang menjawab soal selidik berkelulusan diploma dan seramai 17 orang responden (8.0 %) berkelulusan sarjana. Responden yang mempunyai kelayakan sarjana muda merupakan kumpulan dominan yang menjawab soal selidik ini iaitu seramai 184 orang (86.4 %).

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Pengalaman	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
0 – 10 tahun	151	70.9 %
11 – 20 tahun	55	25.8 %
21 tahun ke atas	7	3.3 %
Jumlah	213	100 %

Jadual 4 menjelaskan tentang hasil dapatan analisis dalam aspek pengalaman mengajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan paling ramai responden iaitu 151 orang yang (70.9%) yang menjawab soal selidik ini berkhidmat antara 0 hingga 10 tahun, diikuti responden yang berkhidmat antara 11 hingga 20 tahun seramai 55 orang (25.8 %). Manakala responden yang berkhidmat 21 tahun ke atas merupakan responden yang paling sedikit iaitu 7 orang (3.3%).

Jadual 5: Taburan Respondenden Mengikut Pengalaman Menjadi Ketua Panitia

Pengalaman (KP)	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
0 - 5 tahun	147	69.0 %
6 – 10 tahun	52	24.4 %
11 - 15 tahun	14	6.6 %
Jumlah	213	100 %

Jadual 5 menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik mengikut aspek pengalaman menjadi Ketua Panitia. Berdasarkan jadual didapati seramai 147 orang responden (69.0%) berpengalaman menjadi Ketua Panitia antara 0 hingga 5 tahun. Seramai 52 orang (24.4%) responden berpengalaman menjadi Ketua Panitia selama 6 hingga 10 tahun dan seramai 14 orang (6.6%) pernah menjadi Ketua Panitia antara 11 – 15 tahun.

Analisis Bahagia B (Persoalan kajian)

Dapatan analisis deskriptif mengikut item-item dalam aspek pengetahuan menunjukkan skor min bagi 19 item dalam aspek pengetahuan ini adalah 4.34 dan sisihan piawai ialah 0.585. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah berada pada tahap tinggi. Manakala dapatan analisis deskriptif mengikut item-item dalam aspek kemahiran merancang menunjukkan tahap kecenderungan keenam-enam item bagi aspek kemahiran merancang Ketua Panitia. Secara keseluruhannya keenam-enam item bagi persoalan kajian kedua ini menunjukkan skor nilai min berada pada tahap tinggi dengan hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa purata skor min kemahiran merancang adalah 4.285 dan sisihan piawai 0.515. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran merancang Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah berada di tahap tinggi.

Bagi analisis deskriptif taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai tahap kemahiran merancang Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah menunjukkan bahawa tahap kemahiran mengelola Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah masih lagi berada di tahap tinggi dengan skor min 4.026 dan sisihan piawai 0.622 dan ini menunjukkan bahawa ketua-Ketua

Panitia sekolah menengah berkemahiran mengelola aktiviti dan program yang telah dirancang. Dapatan bagi tahap kemahiran memimpin Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah masih berada pada tahap tinggi dengan purata skor min 3.89 dan purata sisihan piawai 0.681. Hal ini menunjukkan bahawa ketua-Ketua Panitia berkemahiran dalam memimpin pasukan mereka. Secara keseluruhannya, hasil dapatan analisis skor min kemahiran mengawal adalah 3.80 dan purata sisihan piawai 0.727. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran mengawal Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah juga berada di tahap tinggi.

Bahagian ini akan merumuskan dapatan kajian kepada persoalan kajian yang pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima. Dapatan Analisis tersebut telah diringkaskan berdasarkan tahap dan purata min dan diterangkan dalam jadual 6.

Jadual 6: Taburan responden tentang tahap kemahiran mengawal Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah

Pernyataan	Purata Skor Min	Tahap
Pengetahuan	4.34	Tinggi
Kemahiran Merancang	4.285	Tinggi
Kemahiran Mengelola	4.026	Tinggi
Kemahiran Memimpin	3.858	Tinggi
Kemahiran Mengawal	3.80	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan tahap pengetahuan pengurusan Ketua Panitia di sekolah-sekolah menengah. Aspek pengetahuan mempunyai purata skor min 4.34. Aspek merancang pula memperoleh skor min 4.285, aspek mengelola menunjukkan skor min 4.026 dan aspek memimpin mempunyai skor min 3.858. Manakala aspek mengawal memperoleh skor min 3.80. Merujuk kepada hasil dapatan analisis ini dapatlah disimpulkan bahawa pengetahuan tentang pengurusan panitia, ketua-ketua panitia di sekolah menengah berada pada tahap tinggi.

Hubungan Antara Kepimpinan Strategik dan Kesiediaan Perubahan Organisasi

Analisis ujian korelasi Pearson digunakan bagi menguji dan mengenal pasti hubungan yang signifikan antara pengetahuan pengurusan dengan kemahiran pengurusan dalam kalangan ketua mata pelajaran.

Jadual 7: Korelasi Pearson antara Pengetahuan Pengurusan dan Kemahiran Pengurusan

	Merancang	Mengelola	Memimpin	Mengawal
Pengetahuan	.666**	.430**	.328**	.360**
Merancang		.453**	.342**	.342**
Mengelola			.653**	.681**
Memimpin				.741**

**p < 0.01

Berdasarkan jadual 7, didapati korelasi antara pengetahuan pengurusan dan kemahiran pengurusan berada di tahap sederhana tinggi dan signifikan. Ini menjelaskan wujud hubungan antara pengetahuan pengurusan dengan kemahiran pengurusan dalam kalangan ketua panitia mata pelajaran.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan Ketua Panitia dalam pengurusan panitia berada pada tahap tinggi (purata min = 4.34, SP = 0.585). Dapatan analisis setiap item memperoleh skor min melebihi 4.0 menunjukkan bahawa Ketua Panitia sememangnya mengetahui bidang tugas mereka dan sentiasa melaksanakan tugas seperti mana dalam Perincian Tugas Ketua Panitia. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran merancang Ketua Panitia berada pada tahap tinggi (purata min = 4.285, SP = 0.515). Dalam kemahiran merancang ini Ketua Panitia dilihat menetapkan sasaran pencapaian mata pelajaran pada awal tahun, merancang program, memastikan panitia mempunyai beberapa alternatif program yang bermanfaat, memastikan program yang dipilih adalah sangat sesuai dengan keperluan semasa, dan membuat penilaian tentang keberkesanan program yang dijalankan sepanjang tahun itu.

Kemahiran mengelola penting bagi memastikan setiap program yang dirancang dengan teliti dapat berjalan dengan sempurna (Daud, 2011). Hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran mengelola Ketua Panitia berada pada tahap tinggi (purata min = 4.026, SP = 0.623). Dalam kajian ini Ketua Panitia dilihat dapat mengelolakan aktiviti atau program dan mencapai matlamat yang ditetapkan, membuat agihan tugas guru bertepatan dengan kemahiran dan kepakaran, memastikan guru pengganti yang bertanggungjawab meneruskan aktiviti dan program dan berjaya mengelolakan aktiviti dan program mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Hal ini dibuktikan apabila kesemua item yang dinilai mencapai skor min yang pada tahap tinggi.

Kejayaan Ketua Panitia dalam mengelola segala program dan aktiviti yang dirancang berkemungkinan kerana dipengaruhi oleh pengalaman mengajar dan pengalaman mereka memegang jawatan sebagai Ketua Panitia. Hal ini kerana Ketua Panitia dilantik seharusnya berdasarkan kepada opsyen dan kekananan seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KP. Bil 14/1986. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman membolehkan mereka mengelola sesuatu program dengan lebih berkesan berbanding guru-guru yang baharu dilantik. Selain itu, kejayaan Ketua Panitia ini mengelola aktiviti juga mungkin dipengaruhi oleh faktor pemantauan dan penyeliaan yang dilakukan oleh ketua bidang, Guru Penolong Kanan dan pengetua dari semasa ke semasa sepanjang aktiviti dijalankan.

Di samping itu, setiap program yang dijalankan, laporan dan dokumentasi perlu dilakukan oleh Ketua Panitia. Dalam laporan ini, Ketua Panitia perlu mengemukakan keberkesanan dan kelemahan yang dihadapi. Dalam pada masa yang sama, setiap peserta perlu menjawab soal selidik tentang keberkesanan program yang dijalankan. Secara tidak langsung, komen-komen yang diberikan dapat membantu Ketua Panitia mengenal pasti kelemahan mereka dalam mengelolakan sesuatu program seterusnya membuat penambahbaikan kepada program akan datang.

Menurut Sonia (2006), sebagai seorang pemimpin dalam sebuah kumpulan kecil ketua panitia seharusnya memiliki pengetahuan yang mendalam dalam semua aspek merangkumi kandungan kurikulum, program pembangunan kerjaya staf, kemahiran perhubungan dan komunikasi, prosedur penilaian, bantuan dan sokongan, peluang yang sama rata, gaya dan teknik mengajar dan belajar serta penjiagaan moral. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa Ketua Panitia tahu

dan jelas tentang tugas dan peranan masing-masing. Menurut Daud (2011), kejelasan Ketua Panitia terhadap matlamat adalah penting bagi menjamin keberkesanan organisasi seterusnya membantu untuk memimpin ahli mencapai matlamat tersebut. Dalam pada masa yang sama komunikasi dalam sesebuah kumpulan turut mempengaruhi keberkesanan dan kecemerlangan pengurusan sesebuah organisasi. Menurut Mohd.Taib dan Che Su (2001), keberkesanan komunikasi yang tinggi dalam sesuatu organisasi dapat mengurangkan konflik, meningkatkan motivasi, kepuasan kerja dan produktiviti yang akhirnya dapat meningkatkan kesetiaan pekerja terhadap organisasi.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan jelas bahawa Ketua Panitia sekolah menengah mengetahui peranan mereka sebagai pengurus pertengahan kerana telah melaksanakan semua ciri-ciri sebagai seorang pemimpin organisasi seperti pendapat Senge (2006) dipetik dari Foniza dan Mohd Izham (2012), iaitu:

- a. Membimbing (coach) individu dan membantu semua ahlinya belajar untuk mencapai kompetensi
- b. Mencari kaedah meningkatkan organisasi dan membuat perubahan
- c. Menggalakkan ahlinya untuk mencuba, mencabar pasukan untuk mengambil risiko yang munasabah, menerima kesilapan dan belajar daripada kejayaan lepas
- d. Menggalakkan perbincangan terbuka, sumbangan idea dan kemungkinan yang ada
- e. Menghargai komitmen dan inisiatif untuk membuat penambahbaikan serta perubahan yang dilaksanakan
- f. Belajar dan tukar gaya kepimpinan tradisi iaitu arahan dari atas.

Kajian tentang pengetahuan pengurusan dan hubungannya dengan efikasi ketua panitia ini hanya dilakukan terhadap ketua panitia di sekolah menengah sahaja. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini tidak boleh menggambarkan keseluruhan pengurusan ketua panitia. Justeru, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan bagi tujuan kajian lanjutan untuk meningkatkan lagi pengurusan ketua panitia. Antaranya:

- a) Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada ketua panitia sekolah menengah yang mempunyai 10 buah sekolah menengah sahaja. Oleh itu, hasil dapatan ini tidak boleh dianggap mewakili seluruh pengurusan ketua panitia di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Perbezaan tempat dan suasana akan memberikan persepsi yang berbeza. Justeru, di cadangkan agar kajian ini dilakukan di sekolah menengah di setiap negeri atau di seluruh Negara.
- b) Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada ketua panitia sekolah menengah sahaja. Untuk mendapatkan gambaran tentang tahap pengetahuan pengurusan di sekolah rendah maka disarankan agar kajian ini dilakukan terhadap ketua panitia di sekolah rendah.
- c) Kajian yang dijalankan ini hanya menggunakan instrument soal selidik sahaja. Maka pengkaji mencadangkan agar kajian menggunakan instrument lain seperti kaedah temu bual dan pemerhatian turut dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat.
- d) Kajian ini hanya melihat hubungan pengetahuan pengurusan dengan efikasi ketua panitia sahaja. Justeru, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan yang akan dijalankan menyentuh tentang hubungan pengetahuan pengurusan ketua panitia dengan aspek-aspek lain seperti motivasi pelajar, pembentukan kerja berpasukan, pembentukan budaya organisasi, peningkatan prestasi dan sebagainya.

RUJUKAN

- Ahmad Shukri Mohd Nain. (2002). *Tingkahtaku organisasi: Pengenalan Tingkahtaku Individu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 252- 262
- A.L Ramaiah. (1992). *Kepimpinan pendidikan: Cabaran masa kini*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Daud Mamat. (2011). *Amalan pengurusan ketua panitia pendidikan islam di sekolah rendah Zon Nusajaya*. Tesis Master, Universiti Teknologi Malaysia.
- Davis, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Haliza Binti Halid. (2006). *Pengurusan pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum: Satu kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil (Smkaj), Hulu Langat, Selangor*. Ijazah Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia. <http://nhamoha.blogspot.com/2012/06/efikasi-kendiri-self-efficacy-part-3.html>
- Hassan Basri Awang Mat Dahan (2018). Jangan abai pandangan warga pendidik'. *Berita Harian Online*. Diakses pada 10 Ogos 2018. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/07/446180/jangan-abai-pandangan-warga-pendidik>
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Edisi kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamal @ Nordin Yunus. (2003). Kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur efikasi sendiri ketua panitia mata pelajaran (EKPM). *Prosiding MERA Conference 2003*. (CD).
- Jamal @ Nordin Yunus. (2004). Efikasi pengurusan ketua-ketua panitia matapelajaran. *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan 2004*. Johor: UiTM
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Surat Pekeliling Ikhtisan Bilangan 4/1986: Panitia Mata Pelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Blueprint Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Dimuat turun pada 20 Mei 2013 dari <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Bidang Keberhasilan utama Nasional (NKRA) Pendidikan*. Dimuat turun pada 15 Mei 2013 dari http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/2010/1275279590.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Melindungi Masa Instruksional*. Dimuatturun pada 2 Mei 2014 daripada <http://www.moe.gov.my/v/wargakpm-mmi>
- Kwa Jin Nee. (2009). *Kepimpinan pengajaran ketua panitia mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah rendah*. Tesis: Universiti Malaya
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*: Johor, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad, M., bin Don, Y., & bt Ismail, S. (2017). Kepimpinan Strategik Dan Hubungannya Dengan Kesianaan Perubahan Warga Organisasi. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2), 1-14. Retrieved from <http://jumec.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8421>
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Taib Ariffin & Che Su Mustaffa. 2001. *Era ledakan teknologi maklumat: Isu-isuberkaitan pendedahan terhadap internet di kalangan remaja*. Dlm .teknologi maklumat dan komunikasi: *Harapan, cabaran dan barakah* . Alor Setar: INSANIAH.
- Nor Foniza Maidin & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2012). *Pengetua Pemacu Organisasi Pembelajaran*: Dimuat turun pada 12 Mac 2014 dari http://www.iab.edu.my/sn19/KertasFinal/Foniza_PENGETUA_PEMACU_ORGANISASI_PEMBELAJARAN.pdf
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Kepimpinan dan pengurusan kurikulum disekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramli, N., Binti Talib, N., & Binti Hussin, Z. (2017). Pengaruh Qiyadah Pengetua Dan Biah Sekolah Ke Atas Prestasi Guru Pendidikan Islam Satu Analisis Hierarchical Linear Modeling (HLM). *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1-15. Retrieved from <http://jumec.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8333>.

- Redzuan Aziz. (2012). *Kepimpinan pengajaran dan peranan ketua panitia: hubungan dengan budaya kerja guru terhadap pencapaian akademik matapelajaran pendidikan seni visual sekolah menengah Daerah Seremban*. Tesis Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shafila Jumaat. (2008). *Pengetahuan kepimpinan, kemahiran pengurusan dan sikap ketua panitia sains di sekolah kebangsaan*. Tesis Sarjana Muda Pengurusan Pendidikan: Universiti Teknologi Mara.
- Sonia, B. (2006). *Panduan pengurus peringkat pertengahan di sekolah*. (Bahariah Yusuf, Terjemah). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia. (Karya asal diterbitkan 1997)
- Syed Arabi Idid. (2001). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tschannen-Moran, M. & Barr, M. (2004). *Fostering Student Learning: The relationship of collective efficacy and student achievement*. Leadership and policy in school. 3 (3), 189-209.